

MEDIA RELEASE

Untuk Siaran Segera

4 September 2019

UEM Edgenta Optimis Terhadap Pertumbuhan Jangka Panjang Menerusi Perkhidmatan Pengurusan Aset dan Penyelesaian Teknologi

- Pertumbuhan sebanyak 10.4% Pendapatan dan 4.6% Keuntungan Bersih masing-masing kepada RM1.11 bilion dan RM68.1 juta, untuk tempoh enam bulan pertama TK2019 (“H1 TK2019”) berbanding tempoh yang sama TK2018
- Bahagian *Healthcare Support* dijangka memacu pertumbuhan Syarikat bagi menyokong penambahan hospital berikutan faktor peningkatan umur penduduk dan peningkatan trend jangka hayat di rantau ini
- Bahagian *Infrastructure Services* terus memacu inisiatif kecekapan kos dalam menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan lebuhraya

Kuala Lumpur, 4 September 2019 - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini berkongsi prospek pertumbuhannya pada sesi taklimat yang diadakan di sini, pada hari ini. Ini berikutan dengan pengumuman keputusan H1 TK2019 Syarikat di mana Syarikat mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 10.4% kepada RM1.11 bilion, manakala Keuntungan Bersih meningkat kepada RM68.1 juta berbanding tempoh yang sama TK2018.

“Kami telah mencapai keputusan separuh pertama yang memberangsangkan meskipun berhadapan dengan situasi yang mencabar. Kesemua perniagaan kami kukuh dalam menguruskan dan mengembangkan operasi masing-masing merentasi pelbagai sektor. Kami akan terus menerokai kaedah baharu dan penyelesaian pintar, kecekapan kos yang inovatif dalam menyediakan perkhidmatan yang efisien kepada para pelanggan kami,” kata Dato' Azmir Merican, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Segmen Pengurusan Aset UEM Edgenta, yang terdiri daripada bahagian *Healthcare Support* dan *Property & Facility Solutions* dijangka akan terus memacu pertumbuhan Syarikat untuk baki tahun 2019. Penstrukturan semula fasiliti penjagaan kesihatan yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Singapura akan membuka peluang untuk bahagian

Healthcare Support menambah kontrak baharu daripada kontrak yang diperolehi bernilai sehingga RM540.06 juta pada bulan Julai 2019.

Selain Singapura, bahagian *Healthcare Support* juga mempunyai operasi di Malaysia, Taiwan dan India yang menyediakan perkhidmatan kepada lebih 300 hospital di bawah seliaannya. Syarikat optimis akan memperoleh lebih banyak kontrak untuk menyokong pertumbuhan hospital-hospital berikutan faktor peningkatan umur penduduk dan peningkatan trend jangka hayat merentasi kesemua negara tersebut.

Di Malaysia, bahagian ini menawarkan perkhidmatan menyeluruh dalam perkhidmatan sokongan hospital bukan klinikal kepada hospital-hospital dan klinik di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) di negeri-negeri bahagian Utara Semenanjung. Sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang ditawarkan kepada KKM, Syarikat sentiasa mencari peluang baharu untuk menambah nilai skop kerja dengan memperkenalkan penyelesaian berasaskan teknologi melalui penggunaan kecerdasan buatan, dan pembelajaran mesin untuk kecekapan dalam pemantauan serta mengoptimumkan jangka-hayat dan penggunaan tenaga aset di setiap fasiliti. Baru-baru ini, Syarikat telah diberikan peluang oleh KKM untuk melaksanakan perkhidmatan kontrak prestasi tenaga di Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang, sebagai satu perkhidmatan yang akan dilaksanakan dalam tempoh 6 tahun, dan menambah jumlah hospital KKM yang menikmati penjimatan bersepadu melalui konsep turnkey inovatif kepada tiga hospital.

Segmen bahagian **Property & Facility Solutions** ("PFS"), peneraju perunding pengurusan aset bagi Indeks Bangunan Hijau yang bertauliah juga telah memperoleh kontrak baharu dengan Sime Darby Motors untuk kerja-kerja menaik taraf bilik pameran dan Bank Negara Malaysia untuk pengurusan fasiliti yang komprehensif bagi dua bangunannya masing-masing di Selangor dan Johor pada separuh pertama tahun ini.

Melalui bahagian **Infrastructure Services**, UEM Edgenta mengawal selia penyelenggaraan rangkaian lebuh raya di Semenanjung Malaysia, termasuk Lebuhraya Utara-Selatan, serta infrastruktur ikonik seperti Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Kedua-Malaysia-Singapura. Syarikat telah berjaya melaksanakan Sistem Pengurusan Aset Jalan Raya ("RAMS"), satu sistem penyelenggaraan lebuh raya bersepadu terkini yang menyediakan data langsung ke *Command & Contact Centre* Syarikat, membolehkan pengaplikasi analisis data raya bagi memudahkan pembelajaran mesin untuk proses ramalan penyelenggaraan. Sistem berasaskan *cloud* ini memberikan kecekapan kepada pengurusan arahan kerja, pemantauan jarak jauh dan membolehkan keputusan dibuat secara langsung.

"Sebagai penyedia perkhidmatan penyelenggaraan lebuh raya terbesar di Malaysia, kami mempunyai rekod prestasi yang telah terbukti untuk menawarkan program pengurusan aset

yang efektif, mampan dan memberikan kecekapan kos untuk jangka masa panjang. Ini termasuklah mengguna pakai penyelesaian berasaskan teknologi bagi menawarkan perkhidmatan secara automasi dan mekanisasi untuk meningkatkan keselamatan dan memodenkan operasi dalam sektor ini. Hubungan dengan pihak berkepentingan industri, seperti MoU yang telah ditandatangani baru-baru ini bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (“LLM”) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (“CIDB”) adalah berdasarkan persefahaman untuk memastikan pengguna lebuhraya dapat menggunakan jalan raya dengan tenang melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih baik,” tambah Dato’ Azmir.

Bahagian *Infrastructure Services* turut mempunyai operasi di Indonesia dan kini berusaha menerokai peluang pertumbuhan jangka panjang dalam menghadapi pelan infrastruktur yang diperluaskan untuk meningkatkan kesalinghubungan yang diumumkan oleh kerajaan, untuk menambah sebanyak 3,322 kilometer jalan konvensional dan 941 kilometer jalan bertol yang dibina dari tahun 2014 hingga 2019.

Bahagian **Asset Consultancy** Syarikat, yang juga merupakan sebahagian daripada segmen Penyelesaian Infrastruktur akan terus memberi tumpuan dalam menyediakan perkhidmatan untuk projek Rangkaian Jalan Pesisiran Pantai Sarawak dan Jalan Utama Kedua.

Dalam separuh pertama TK2019, UEM Edgenta telah menumpukan perhatian ke arah usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan termasuklah antara lain, pelancaran kenderaan mekanisasi untuk memodenkan perkhidmatan penyelenggaraan lebuhraya serta memulakan operasi *UEM Edgenta Learning Centre* (“UELC”). UELC mempunyai visi untuk menjayakan Edgenta Academy dan mereka bentuk program-program yang menawarkan pelbagai rangkaian program latihan dan pembangunan kepada kakitangan serta rakan kongsi perniagaannya, serta mengenal pasti, membina, dan melaraskan standard untuk perkhidmatan Edgenta dalam segmen pengurusan aset dan penyelesaian infrastruktur.

Untuk baki tahun TK2019, Syarikat akan terus memberi tumpuan kepada inisiatif untuk meningkatkan lagi kecekapan dan penjimatan kos kepada pelanggannya.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**; Hubungi Hafiz Noor (hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com / 019 424 8283 / 03 2725 6946); atau Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@uemnet.com / 012 340 9438 / 03 2727 6492)